



AM

GM Klang anjur Hari Terbuka Aplikasi Komuniti 'Bisnes' dekati usahawan

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) – Pusat Borong GM Klang (GM Klang) akan mengadakan Hari Terbuka Aplikasi Komuniti 'Bisnes' GM Klang bersempena Tahun Baharu Cina tidak lama lagi.

Pengurus Komunikasi Jenama GM Klang Norsuhaida Othman berkata program itu akan berlangsung pada Sabtu dan Ahad ini (14 dan 15 Jan) bermula 11 pagi hingga 3 petang, bagi mendekati pengguna dengan lebih mesra sambil mendapatkan maklum balas berkaitan aplikasi yang dilancarkan sejak Oktober tahun lepas.

"Memandangkan aplikasi ini baru saja dilancarkan dan masih berada di fasa pertama, maklum balas daripada pengguna amat penting bagi penambahbaikan aplikasi ini untuk fasa kedua nanti," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata hari terbuka itu juga dapat memberikan ruang kepada pihak pengurusan untuk turun padang dan bertemu sendiri dengan orang awam bagi menjelaskan fungsi aplikasi tersebut.

Katanya, antara lain, aplikasi itu dapat membantu orang awam bergelar usahawan segera menerusi dua komponen utama aplikasi iaitu 'Business Matching' atau padanan perniagaan dan penggunaan studio secara percuma.

"Rata-rata pengunjung yang datang ke GM Klang 'pening' dengan lambakan kedai dan terpaksa mengambil masa berkunjung ke beberapa kedai sebelum mendapatkan produk yang mereka inginkan, tetapi dengan aplikasi ini kami dapat membantu menghubungkan pengguna terus dengan pemborong yang tepat.



Foto: GM Klang



11/01/2023 12:07 PM

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) – Pusat Borong GM Klang (GM Klang) akan mengadakan Hari Terbuka Aplikasi Komuniti 'Bisnes' GM Klang bersempena Tahun Baharu Cina tidak lama lagi.

Pengurus Komunikasi Jenama GM Klang Norsuhaida Othman berkata program itu akan berlangsung pada Sabtu dan Ahad ini (14 dan 15 Jan) bermula 11 pagi hingga 3 petang, bagi mendekati pengguna dengan lebih mesra sambil mendapatkan maklum balas berkaitan aplikasi yang dilancarkan sejak Oktober tahun lepas.

"Memandangkan aplikasi ini baru saja dilancarkan dan masih berada di fasa pertama, maklum balas daripada pengguna amat penting bagi penambahbaikan aplikasi ini untuk fasa kedua nanti," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata hari terbuka itu juga dapat memberikan ruang kepada pihak pengurusan untuk turun padang dan bertemu sendiri dengan orang awam bagi menjelaskan fungsi aplikasi tersebut.

Katanya, antara lain, aplikasi itu dapat membantu orang awam bergelar usahawan segera menerusi dua komponen utama aplikasi iaitu 'Business Matching' atau padanan perniagaan dan penggunaan studio secara percuma.

"Rata-rata pengunjung yang datang ke GM Klang 'pening' dengan lambakan kedai dan terpaksa mengambil masa berkunjung ke beberapa kedai sebelum mendapatkan produk yang mereka inginkan, tetapi dengan aplikasi ini kami dapat membantu menghubungkan pengguna terus dengan pemborong yang tepat.



"Lebih hebat lagi pada hari tersebut, setelah memborong produk-produk pilihan, mereka boleh menggunakan studio yang disediakan untuk tujuan promosi seperti sesi mengambil gambar (photo shoot), penstriman langsung (live streaming) dan inilah yang kami maksudkan dengan 'bergelar usahawan segera'," katanya.

Beliau berkata program berkenaan turut memberi peluang kepada pengguna untuk memenangi hadiah istimewa menerusi resit pembelian bernilai RM250 ke atas pada dua hari tersebut.

"Selain itu terdapat persembahan menarik sinonim dengan perayaan Tahun Baharu Cina seperti akrobatik tarian singa, 'diabolo' dan 24 gendang pada pukul 4 petang, bagi memeriahkan ambang sambutan perayaan tersebut di GM Klang," katanya.

-- BERNAMA